

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] MINTA MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR menyatakan pelan dan cara-cara Kerajaan persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan-Kerajaan negeri bagi mencapai '*paradigm shift*' untuk menangani pencemaran '*e-waste*' serta menyelesaikan masalah-masalah perlindungan tadahan air dan sumber air.

JAWAPAN

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah membangunkan mekanisme pengurusan buangan elektronik (e-waste) dari isi rumah. Mekanisme yang dibangunkan ini adalah melalui prinsip *Extended Producer Responsibility* (EPR) dan *shared responsibility* di mana semua pemegang taruh bertanggungjawab untuk memastikan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) yang dihasilkan diuruskan secara mesra alam. Pemegang taruh yang terlibat di bawah mekanisme ini termasuklah pengeluar, pengimport, peruncit, pengguna, pusat pengumpulan dan kemudahan pemerolehan kembali buangan terjadual.

2. Melalui mekanisme pengurusan e-waste ini, JAS telah melaksanakan skim pendaftaran pusat-pusat pengumpulan bagi memudahkan orang awam menghantar e-waste masing-masing. Sehingga kini, sebanyak 178 pusat pengumpulan telah didaftarkan di seluruh negara yang bertanggungjawab memastikan e-waste yang

NO. SOALAN: 93

dikumpul, dihantar ke kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan oleh JAS. Pusat pengumpulan ini tidak terhad kepada syarikat swasta sahaja malah ianya juga boleh juga dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan mana-mana agensi Kerajaan yang berminat.

3. Dalam hal ini, PBT adalah diseru membuka pusat pengumpulan bagi menyokong usaha Kerajaan untuk memastikan mekanisme pengurusan e-waste ini dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sehingga kini, terdapat sebanyak dua (2) PBT yang telah mewujudkan pusat pengumpulan iaitu Majlis Daerah Beaufort (Sabah) dan Majlis Perbandaran Kemaman (Terengganu). JAS juga telah mendapat sokongan sepenuhnya dari Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Perak apabila terdapat enam (6) lagi PBT yang telah menyatakan hasrat untuk turut serta mewujudkan pusat pengumpulan e-waste di daerah masing-masing iaitu Majlis Daerah Keningau, Majlis Daerah Sipitang, Majlis Daerah Beluran, Majlis Daerah Papar, Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis Perbandaran Manjung.

4. Kerjasama di antara JAS dengan Kerajaan Negeri juga diteruskan melalui penganjuran pertandingan pengumpulan e-waste yang tertinggi oleh PBT sebagaimana yang dilakukan oleh JAS Perak dan JAS Penang. Namun JAS berharap lebih banyak PBT yang tampil ke hadapan untuk menjadi pusat pengumpulan yang berdaftar bagi memastikan orang ramai lebih mudah menghantar e-waste dari isirumah masing-masing terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman.

5. JAS telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti mengumumkan hari Sabtu terakhir setiap bulan sebagai hari pengumpulan e-waste, pembangunan aplikasi MyEwaste untuk memudahkan orang ramai mengetahui lokasi pusat pengumpulan yang berhampiran dan membangunkan laman sesawang yang khusus untuk e-waste sebagai wadah untuk perkongsian maklumat. Selain itu, JAS juga meneruskan program kesedaran yang memberi fokus kepada setiap lapisan masyarakat untuk memastikan masyarakat memahami kepentingan pengurusan e-waste secara mesra alam.

NO. SOALAN: 93

6. Merujuk kepada masalah perlindungan tadahan air dan sumber air, Kementerian juga akan terus mengambil inisiatif untuk memperkasakan jentera penguatkuasaan JAS. Antaranya adalah melalui:

- (i) menambahbaik dan mengukuhkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) secara berfasa termasuk memberi fokus kepada elemen kompaun, penalti dan standard bagi memastikan tindakan tegas dapat diambil ke atas pelaku dan pesalah yang menyebabkan pencemaran alam sekitar;
- (ii) meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri seperti Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), PBT dan lain-lain agensi melalui pelaksanaan operasi bersepadu, perkongsian maklumat dan pengurusan aduan alam sekitar yang lebih berkesan. Antara inisiatif yang digerakkan Kementerian adalah Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
- (iii) memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan melalui program rondaan secara berkala termasuk di luar waktu pejabat dan penggunaan *drone* di kawasan tumpuan pencemaran. Selain itu, JAS juga mengambil pendekatan *smart enforcement* melalui penguatkuasaan secara *desktop* menggunakan sistem-sistem pelaporan atas talian JAS seperti *Electronic Schedule Waste Information System* (ESWIS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesudian Kerajaan melaksanakan Dana Bantuan Sewa selama empat bulan untuk membantu perniagaan-perniagaan kecil dalam Pelan Pemulihan Negara terutamanya kepada kumpulan peniaga kecil yang telah gulung tikar dan kumpulan yang bersemangat untuk memulakan perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Buat masa ini cadangan untuk menyediakan Dana Bantuan Sewa sebagai kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara tidak dapat dipertimbangkan kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan lebih-lebih lagi negara mempunyai ruang fiskal yang terhad.

Pun begitu, di bawah Bajet 2022, Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan bagi meringankan beban para peniaga antaranya termasuklah:

- i. Potongan cukai khas sehingga Jun 2022 kepada pemilik bangunan atau ruang perniagaan yang memberikan pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30 peratus;

- ii. Meneruskan pelaksanaan Program Subsidi Upah yang bersasar kepada pemain industri pelancongan yang mengalami penurunan pendapatan sekurang-kurangnya 30 peratus dengan peruntukan sebanyak 600 juta ringgit. Inisiatif ini bakal memanfaatkan lebih 26 ribu majikan dan 330 ribu pekerja;
- iii. Penangguhan bayaran ansuran cukai pendapatan bagi PMKS selama enam bulan sehingga 30 Jun 2022;
- iv. Semua perniagaan dibenar membuat pindaan anggaran cukai pendapatan yang kena dibayar dalam bulan ke 11 sebelum 31 Oktober 2022; dan
- v. Kerugian terkumpul yang tidak dapat diserap boleh dibawa ke hadapan untuk tempoh daripada maksimum 7 tahun taksiran berturut-turut kepada maksimum 10 tahun taksiran berturut-turut.

Pada masa yang sama, akses kepada pembiayaan tanpa faedah disediakan terutamanya bagi membantu para peniaga kecil. Antaranya, Skim Pembiayaan Informal dan Mikro di bawah TEKUN akan menawarkan pinjaman sehingga 10 ribu ringgit pada kadar faedah 0 peratus berserta moratorium selama 12 bulan dengan keutamaan diberi kepada peniaga sektor informal dan mikro. Selain itu, BSN dan Agrobank juga akan menawarkan pinjaman mikro sehingga 75 ribu ringgit pada kadar 0 peratus untuk enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** nyatakan dasar Kementerian dalam perolehan ubat dan peralatan. Adakah Kementerian akan guna pakai pendekatan 'bulk purchase' daripada kaedah semasa, supaya menjimatkan kos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan kaedah perolehan adalah berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka dan adil serta saksama berasaskan dasar dan peraturan yang berkuat kuasa.

2. Bagi mengoptimumkan perbelanjaan dan penjimatan kepada Kerajaan dengan prinsip *Do More With Less*, Kementerian Kesihatan mulai tahun 2019 telahpun melaksanakan pendekatan '*bulk purchase*' melalui inisiatif perolehan secara *pool procurement* iaitu perolehan ubat-ubatan bersama Hospital Pengajar Universiti (HPU) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Hospital Angkatan Tentera Malaysia di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

3. Kaedah *Pool procurement* ini dilaksanakan memandangkan ketiga-tiga Kementerian terlibat dalam perolehan bagi fasiliti kesihatan. Melalui kaedah ini, jumlah atau kuantiti ubat yang dilaksanakan secara perolehan bersama dapat dimaksimumkan bagi memperolehi *economy of scale* sekaligus menurunkan harga dan memberikan penjimatan dalam perbelanjaan kerajaan.

4. Projek rintis *Pool procurement* ubat-ubatan telah dilaksanakan pada tahun 2019 melibatkan 85 jenis ubat-ubatan. Seterusnya, terdapat pertambahan item yang menjadikan jumlah terkini sebanyak 88 jenis ubat-ubatan berikutan penambahan bilangan HPU yang menyertai inisiatif perolehan ini. Sejak pelaksanaan perolehan ubat-ubatan secara *pool procurement* ini, **penjimatan** yang berjaya diperolehi oleh Kerajaan sehingga kini adalah sebanyak **RM75.05 juta (iaitu 12% daripada anggaran harga jabatan sebanyak RM 621.20 juta)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO
(KLANG)**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes yang disiasatkan di bawah Akta Hasutan, s.233 Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Perhimpunan Awam ikut pecahan tahun 2020 dan 2021. Antaranya, berapa jumlah kes yang telah didakwa di mahkamah, dan berapakah jumlah kes yang diklafikasikan sebagai 'no further action'

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2020, sebanyak 97 kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948/ Sek. 233 Akta Komunikasi dan Multimedia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 83 kes telah selesai dimana sebanyak 27 kes telah dituduh di mahkamah, 44 kes diklasifikasikan sebagai *No Further Action* (NFA) dan 12 kes diklasifikasikan sebagai Kemas Untuk Simpan (KUS) dan akan dibuka semula sekiranya terdapat *lead* atau bukti baru kelak. Manakala sebanyak 14 kes sedang dalam siasatan lanjut di peringkat Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagi tahun 2021, sehingga September, sebanyak 64 kes telah dicatatkan di bawah akta-akta yang sama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 32 kes telah selesai dimana sebanyak tujuh (7) kes telah dituduh di mahkamah, 16 kes diklasifikasikan sebagai NFA dan sembilan (9) kes diklasifikasikan sebagai KUS. Manakala sebanyak 32 kes sedang dalam tindakan siasatan lanjut.

Berhubung kes di bawah Akta Perhimpunan Aman (APA), sebanyak 34 kertas siasatan telah dibuka bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, enam (6) kes dalam tindakan pihak pendakwaraya (TPR), satu (1) pertuduhan telahpun dilaksanakan dan sebanyak 22 kes diklasifikasikan sebagai NFA. Manakala sebanyak lima (5) kes masih sedang dalam siasatan oleh pihak PDRM.

SOALAN NO: 96

Bagi tahun 2021, sehingga September, sebanyak 41 kertas siasatan telah dibuka di bawah APA. Tiada sebarang pertuduhan telah dibuat setakat ini. Sebanyak 11 kes masih TPR dan tiga (3) kes diklasifikasikan sebagai NFA. Manakala sebanyak 27 kes masih sedang dalam tindakan siasatan oleh pihak PDRM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI [TUMPAT]**

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kementerian dalam memperkukuhkan fiskal negara dalam jangka masa panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, keutamaan Kerajaan adalah masih melindungi rakyat daripada ancaman COVID-19 selain memastikan prospek pertumbuhan ekonomi kekal kukuh dalam jangka sederhana dan panjang, disokong oleh Pelan Pemulihan Negara serta pengurusan kewangan yang berhemat. Selain itu, Kerajaan telah membenteng Rancangan Malaysia Kedua Belas (atau RMKe-12) yang menyediakan rangka kerja dasar yang holistik bagi pembaharuan struktur dan menetapkan halatuju jangka masa sederhana. Defisit fiskal kepada KDNK pula diunjurkan berkurang kepada 3 hingga 3.5% pada tahun 2025.

Bagi memperkukuh kedudukan fiskal, Kerajaan mengguna pakai Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana sebagai panduan dalam menggubal strategi ke arah konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana iaitu antara 3 hingga 5 tahun, selari dengan pelan pembangunan RMKe-12. Selain itu, Kerajaan juga dalam proses merangka Akta Tanggungjawab Fiskal bagi menambah baik tadbir urus, akauntabiliti

dan ketelusan dalam pengurusan fiskal. Di samping itu, Kerajaan sedang membangunkan Strategi Hasil Jangka Sederhana bagi menambah baik asas hasil merangkumi pelaksanaan langkah hasil secara berperingkat, semakan semula perundangan cukai dan pemodenan pentadbiran hasil. Semakan Semula Perbelanjaan Awam akan turut dilaksanakan bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.